

SOSIOEKONOMI ORANG ASLI JAKUN
DI KAMPUNG PETA

MOHD NUR SYUFAAT BIN JAMIRAN

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Teknologi

Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JUN 2015

ABSTRAK

Taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli pada masa kini masih jauh ketinggalan berbanding masyarakat lain. Permasalahan ini juga turut berlaku dalam masyarakat Orang Asli Jakun di Kampung Peta. Justeru, kajian ini mempunyai dua objektif utama iaitu (i) mengenal pasti pembangunan di Kampung Peta dan (ii) mengkaji keadaan sosioekonomi penduduk Kampung Peta. Data telah dikumpulkan melalui kaedah soal selidik terhadap 59 orang Ketua Isi Rumah (KIR) yang terdapat di Kampung Peta dan juga temubual mendalam dengan menggunakan soalan separa struktur terhadap responden utama iaitu Tok Batin, pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Mersing dan pengurus Taman Negara Endau-Rompin (TNER). Kajian mendapati pelbagai pembangunan telah diterima oleh penduduk Kampung Peta. Pembangunan tersebut adalah dari aspek sosial dan ekonomi yang dijangkakan dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Namun begitu, taraf sosioekonomi mereka didapati masih rendah berikutan daripada 84.7 peratus daripada jumlah KIR yang masih mempunyai purata pendapatan isi rumah yang berada di bawah paras garis kemiskinan Semenanjung iaitu RM720. Pendapatan mereka juga didapati tidak menentu dan bermusim. Terdapat empat cabaran utama dalam membangunkan taraf sosioekonomi mereka iaitu (i) skop pekerjaan yang terhad; (ii) kedatangan pelancong yang bermusim; (iii) pengeksploitasian orang tengah; dan (iv) jati diri Orang Asli yang rendah. Oleh itu, terdapat lima pendekatan yang boleh dilaksanakan bagi membangunkan sosioekonomi penduduk Kampung Peta iaitu (i) menggalakkan penggunaan tanah, (ii) meningkatkan tahap pendidikan, (iii) melahirkan golongan profesional, (iv) meningkatkan aktiviti keusahawanan serta (v) melibatkan NGO dan swasta dalam membangunkan Kampung Peta. Hal ini dapat melahirkan modal insan yang berkualiti supaya matlamat kelestarian pembangunan masyarakat Malaysia khususnya Orang Asli dapat dicapai.

ABSTRACT

The socio-economic of the Orang Asli today are still lag compared to other communities. This problem also happened to the Orang Asli Jakun at Kampung Peta. Hence, this study has two objectives, namely (i) to identify the development at Kampung Peta and (ii) to review the socio-economic situation of the Orang Asli at Kampung Peta. The data were collected through a structured interview of 59 people of Heads of Household (KIR) and also depth interviews using semi-structured questions to respondents, namely Tok Batin, the officer of Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Mersing and the manager of the National Park Endau-Rompin. The study was found that the various of development has been accepted by the villager of Kampung Peta. The development was based on social and economic aspects that will improve their lives. However, their socio-economic status is still low due to 84.7 percent of total of households that still have an average household income is below RM720 that is the poverty line of Peninsular Malaysia. Their income was also found erratic and seasonal. There are four main challenges to developing their socio-economic status, namely (i) a limited scope of work; (ii) a seasonal tourist arrivals; (iii) the exploitation of middlemen; and (iv) the identity of Orang Asli are low. Therefore, there are five approaches that can be implemented to develop their socio-economic status, namely (i) promote the use of land, (ii) increasing the level of education, (iii) realized many professional person, (iv) increase entrepreneurial activity and (v) involve NGOs and the private sector in the development programme. It can produce the quality of human capital that can achieved the sustainable development, especially for the Orang Asli.

KANDUNGAN

| | |
|--------------------------|-------------|
| JUDUL | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGHARGAAN | iii |
| ABSTRAK | iv |
| ABSTRACT | v |
| KANDUNGAN | vi |
| SENARAI JADUAL | xi |
| SENARAI RAJAH | xii |
| SENARAI GAMBAR | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xv |
| SENARAI LAMPIRAN | xvii |
| | |
| BAB I | |
| PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang | 2 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 4 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 6 |
| 1.5 Objektif Kajian | 7 |
| 1.6 Skop Kajian | 7 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 7 |
| 1.8 Organisasi Tesis | 8 |
| 1.9 Kesimpulan | 10 |

| | | |
|---------------|--|-----------|
| BAB II | KAJIAN LITERATUR | 11 |
| 2.1 | Pengenalan | 11 |
| 2.2 | Definisi Konsep | 12 |
| 2.2.1 | Orang Asli | 12 |
| 2.2.2 | Sosioekonomi | 15 |
| 2.2.3 | Pembangunan | 17 |
| 2.3 | Pembangunan Orang Asli Di Malaysia | 18 |
| 2.3.1 | Sejarah Pembangunan Orang Asli | 18 |
| 2.3.1.1 | Peringkat Pertama | 19 |
| 2.3.1.2 | Peringkat Kedua | 20 |
| 2.3.1.3 | Peringkat Ketiga | 20 |
| 2.3.2 | Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) | 21 |
| 2.3.2 | Program Penempatan Tersusun | 23 |
| 2.3.2.2 | Program Pembangunan Ekonomi | 24 |
| 2.3.2.3 | Program Pembangunan Sosial | 26 |
| 2.3.3 | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah | 27 |
| 2.3.4 | Kementerian Pelancongan Kebudayaan Malaysia | 29 |
| 2.3.5 | Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) | 30 |
| 2.3.6 | Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) | 31 |
| 2.3.7 | Kementerian Komunikasi Multimedia Malaysia | 32 |
| 2.4 | Teori | 33 |
| 2.4.1 | Teori Struktur Fungsionalisme | 33 |
| 2.5 | Kerangka Teoritikal | 35 |
| 2.6 | Permasalahan Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli | 37 |

| | | |
|----------------|--|-----------|
| 2.6.1 | Kurang Memahami Erti Pembangunan | 39 |
| 2.6.2 | Kewangan Dan Kepakaran Terhad | 40 |
| 2.6.3 | Jaringan Hubungan Yang Rendah | 41 |
| 2.6.4 | Pengurusan Persekitaran Yang Lemah | 42 |
| 2.7 | Kesan Terhadap Sosioekonomi Orang Asli | 43 |
| 2.7.1 | Kemiskinan Dan Kemunduran | 43 |
| 2.7.2 | Kemahiran Yang Terhad | 45 |
| 2.7.3 | Nilai Tradisi Terancam | 46 |
| 2.7.4 | Kemusnahan Alam Semula Jadi | 48 |
| 2.8 | Pendekatan Penyelesaian Masalah | 49 |
| 2.8.1 | Pembayaran Perkhidmatan Persekitaran (PES) | 49 |
| 2.8.2 | Pelancongan Desa | 50 |
| 2.8.3 | Kesepaduan Rangkaian Perhubungan | 50 |
| 2.8.4 | Memperkasa Keusahawanan dan Kemahiran | 51 |
| 2.9 | Kesimpulan | 53 |
| BAB III | METODOLOGI KAJIAN | 55 |
| 3.1 | Pengenalan | 55 |
| 3.2 | Rekabentuk Kajian | 55 |
| 3.3 | Kaedah Kajian | 57 |
| 3.3.1 | Kajian Perpustakaan | 58 |
| 3.3.2 | Kaedah Pemerhatian | 60 |
| 3.3.3 | Kaedah Temubual | 60 |
| 3.4 | Instrumen Kajian | 61 |

| | | |
|---------------|---|------------|
| 3.5 | Responden Kajian | 63 |
| 3.6 | Kaedah Analisis Data | 64 |
| 3.7 | Kawasan Kajian | 66 |
| 3.7.1 | Signifikan Kawasan Kajian | 69 |
| 3.8 | Kesimpulan | 69 |
| BAB IV | PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI DI KAMPUNG PETA | 71 |
| 4.1 | Pengenalan | 71 |
| 4.2 | Pembangunan Di Kampung Peta | 71 |
| 4.2.1 | Pembangunan Sosial | 72 |
| 4.2.1.1 | Perumahan | 74 |
| 4.2.1.2 | Kemudahan dan Fasiliti | 81 |
| 4.2.1.3 | Kebudayaan | 87 |
| 4.2.1.4 | Pendidikan Dan Modal Insan | 92 |
| 4.2.1.5 | Kesihatan | 99 |
| 4.2.1.6 | Penyelidikan Dan Pembangunan | 101 |
| 4.2.2 | Pembangunan Ekonomi | 104 |
| 4.2.2.1 | Pekerjaan | 105 |
| 4.2.2.2 | Perniagaan | 107 |
| 4.2.2.3 | Pertanian Dan Perladangan | 111 |
| 4.2.2.4 | Pelancongan | 114 |
| 4.3 | Kesimpulan | 117 |
| BAB V | SOSIOEKONOMI ORANG ASLI KAMPUNG PETA | 119 |

| | | |
|---------------|---|------------|
| 5.1 | Pengenalan | 119 |
| 5.2 | Latar Belakang Responden | 119 |
| 5.2.1 | Umur Dan Jantina Responden | 120 |
| 5.2.2 | Pendidikan Responden | 121 |
| 5.2.3 | Status Responden | 122 |
| 5.2.4 | Bilangan Anak | 123 |
| 5.3 | Sosioekonomi Responden | 124 |
| 5.3.1 | Pekerjaan Dan Pendapatan | 125 |
| 5.3.2 | Simpanan Dan Aset | 128 |
| 5.3.2.1 | Simpanan Kewangan | 128 |
| 5.3.2.2 | Pemilikan Aset | 130 |
| 5.3.3 | Pengurusan Produk | 131 |
| 5.3.3.1 | Tanaman | 131 |
| 5.3.3.2 | Hasil Hutan | 134 |
| 5.4 | Kesimpulan | 136 |
| BAB VI | CADANGAN MENINGKATKAN SOSIOEKONOMI | 137 |
| | ORANG ASLI DI KAMPUNG PETA | |
| 6.1 | Pengenalan | 137 |
| 6.2 | Cabaran Kampung Peta Menghadapi Pembangunan | 137 |
| 6.2.1 | Skop Pekerjaan Yang Terhad | 138 |
| 6.2.2 | Kedatangan Pelancong Yang Bermusim | 139 |
| 6.2.3 | Pengeksploitasian Orang Tengah | 140 |
| 6.2.4 | Jati Diri Orang Asli Mula Terhakis | 141 |

| | | |
|-------------------|---|------------|
| 6.2.5 | Tahap Kesedaran Yang Rendah | 141 |
| 6.2.6 | Aktiviti Ekonomi Tradisi | 142 |
| 6.2.7 | Pengaksesan Ekonomi Yang Terhad | 143 |
| 6.3 | Cadangan Meningkatkan Sosioekonomi Orang Asli | 145 |
| 6.3.1 | Menggalakkan Penggunaan Tanah | 145 |
| 6.3.2 | Meningkatkan Tahap Pendidikan | 146 |
| 6.3.3 | Melahirkan Golongan Profesional | 147 |
| 6.3.4 | Meningkatkan Aktiviti Keusahawanan | 147 |
| 6.3.5 | Melibatkan NGO Dan Swasta Dalam Pembangunan | 148 |
| 6.4 | Kesimpulan | 150 |
| BAB VII | RUMUSAN | 151 |
| 7.1 | Pengenalan | 151 |
| 7.2 | Program Pembangunan Sosioekonomi Di Kampung Peta | 151 |
| 7.3 | Sosioekonomi Penduduk Kampung Peta | 154 |
| 7.4 | Cadangan Penyelidikan Lanjutan | 156 |
| 7.5 | Signifikan Hasil Kajian | 157 |
| 7.6 | Kesimpulan | 157 |
| RUJUKAN | | 159 |
| VITA | | 165 |
| LAMPIRAN A | | 166 |
| LAMPIRAN B | | 175 |
| LAMPIRAN C | | 180 |
| LAMPIRAN D | | 184 |

| | |
|-------------------|------------|
| LAMPIRAN E | 187 |
| LAMPIRAN F | 188 |
| LAMPIRAN G | 189 |

SENARAI JADUAL

| | | |
|------|--|-----|
| 2.1 | Pecahan sub-sub golongan Orang Asli di Malaysia | 13 |
| 2.2 | Pecahan kumpulan kaum dan rumpun Orang Asli mengikut negeri, 2008 | 13 |
| 2.3 | Prestasi pembangunan masyarakat Orang Asli, 2008 | 23 |
| 2.4 | Bilangan kemiskinan penduduk Orang Asli mengikut negeri, 2013 | 44 |
| 3.1 | Kaedah penyelidikan bagi setiap objektif kajian | 58 |
| 3.2 | Instrumen kajian | 61 |
| 3.3 | Kumpulan pengurusan pembangunan di Kampung Peta | 63 |
| 3.4 | Analisis data kajian | 65 |
| 4.1 | Transkrip temubual elemen perumahan | 74 |
| 4.2 | Transkrip temubual elemen kemudahan dan fasiliti | 81 |
| 4.3 | Transkrip temubual elemen kebudayaan | 87 |
| 4.4 | Transkrip temubual elemen pendidikan dan modal insan | 92 |
| 4.5 | Jumlah Pelajar Kanak-Kanak Tabika KEMAS Di Kampung Peta bagi tahun 2012-2013 | 93 |
| 4.6 | Transkrip temubual elemen kesihatan | 97 |
| 4.7 | Transkrip temubual elemen penyelidikan dan pembangunan | 101 |
| 4.8 | Transkrip temubual elemen pekerjaan | 105 |
| 4.9 | Transkrip temubual elemen perniagaan | 107 |
| 4.10 | Transkrip temubual elemen pertanian dan perladangan | 111 |
| 4.11 | Transkrip temubual elemen perlancongan | 114 |
| 5.1 | Umur dan jantina responden | 120 |
| 5.2 | Taraf pendidikan responden | 122 |
| 5.3 | Status responden | 123 |
| 5.4 | Bilangan anak responden | 124 |
| 5.5 | Pekerjaan responden | 125 |

| | | |
|------|--|-----|
| 5.6 | Pendapatan responden | 126 |
| 5.7 | Pendapatan isi rumah responden | 127 |
| 5.8 | Status simpanan kewangan mengikut pendapatan responden | 128 |
| 5.9 | Jenis simpanan responden | 129 |
| 5.10 | Pemilikan aset responden | 130 |
| 5.11 | Tanaman bukan makanan | 132 |
| 5.12 | Tanaman makanan | 133 |
| 5.13 | Penglibatan mencari hasil hutan | 134 |
| 5.14 | Tujuan cari hasil hutan | 135 |
| 5.15 | Jenis hasil hutan | 135 |

SENARAI RAJAH

| | | |
|-----|---|-----|
| 2.1 | Sistem stratifikasi sosial feudalisme | 18 |
| 2.2 | Doktrin pengasingan kuasa | 19 |
| 2.3 | Tahap transformasi di Malaysia | 28 |
| 2.4 | Kerangka teoritikal | 36 |
| 2.5 | Kerangka konseptual impak Projek RPS ke atas masyarakat Orang Asli Jakun di Mukim Bekok, Segamat, Johor | 38 |
| 3.1 | Carta alir kajian | 58 |
| 4.1 | Carta alir pembangunan di Kampung Peta | 72 |
| 4.2 | Peta lakaran penempatan masyarakat Orang Asli Kampung Peta | 75 |
| 5.1 | Jumlah responden mengikut kumpulan umur | 121 |

SENARAI GAMBAR

| | | |
|------|--|----|
| 4.1 | Papan tanda pintu masuk Kampung Peta yang telah disediakan oleh pihak JAKOA | 73 |
| 4.2 | Sebahagian jalan utama di Kampung Peta telah selesai diturap | 76 |
| 4.3 | Ruang bumbung yang dijadikan tempat menyimpan barang ketika banjir melanda | 77 |
| 4.4 | Bekalan elektrik yang disalurkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) | 78 |
| 4.5 | Contoh rumah tradisional yang diperbuat daripada hasil hutan | 79 |
| 4.6 | Reka bentuk lama rumah bantuan yang disediakan oleh JAKOA selepas banjir besar pada tahun 2006 | 79 |
| 4.7 | Reka bentuk lama rumah bantuan yang telah diubahsuai | 80 |
| 4.8 | Reka bentuk terkini rumah bantuan yang kelihatan lebih selesa berbanding reka bentuk yang lama | 80 |
| 4.9 | Bangunan Tabika JHEOA (kini JAKOA) dengan kerjasama KEMAS | 82 |
| 4.10 | Bangunan lama Sekolah Kebangsaan Peta yang telah dibina oleh JHEOA (kini JAKOA) | 83 |
| 4.11 | Sekolah Kebangsaan Peta yang merupakan nadi pembangunan pendidikan di Kampung Peta | 83 |
| 4.12 | Pondok Polis Kampung Peta | 84 |
| 4.13 | Pusat Rawatan Kesihatan Kampung Peta | 85 |
| 4.14 | Projek Kampung Angkat oleh PBSMM di Kampung Peta pada tahun 2006 | 85 |
| 4.15 | Kawasan panel sistem solar yang disediakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk penduduk Kampung Peta | 86 |
| 4.16 | Baju kulit kayu yang diperbuat daripada | |

| | | |
|------|--|-----|
| | kulit kayu pokok terap | 87 |
| 4.17 | Kercang 3-Step | 88 |
| 4.18 | Jenis permainan Kercang yang lain | 88 |
| 4.19 | Awang menunjukkan jerat Penjara | 89 |
| 4.20 | Tarian Sewang yang kerap dipersembahkan pada majlis keramaian | 90 |
| 4.21 | Kanak-kanak yang bersekolah di Tadika KEMAS-JAKOA | 94 |
| 4.22 | Sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Sekolah Kebangsaan Peta (SKP) | 94 |
| 4.23 | Pusat Kesihatan Daerah Mersing sedang membuat pemeriksaan kesihatan terhadap penduduk Kampung Peta | 100 |
| 4.24 | NERC telah diwujudkan selari dengan hasrat untuk memelihara dan melindungi khazanah hutan khususnya di Taman Negara Endau-Rompin | 103 |
| 4.25 | Aktiviti peruncitan oleh penduduk Kampung Peta | 108 |
| 4.26 | Antara kraf tangan yang diusahakan oleh beberapa orang penduduk Kampung Peta | 108 |
| 4.27 | Alat permainan Kercang yang dihasilkan oleh Awang Kudi untuk pasaran pelancong yang datang dari dalam dan luar negara | 109 |
| 4.28 | Kraf tangan moden yang dipelajari menerusi kelas anjuran KEMAS dengan kerjasama JAKOA | 110 |
| 4.29 | Getah merupakan aktiviti ekonomi pertanian yang menjadi pilihan penduduk Kampung Peta | 112 |
| 4.30 | Homestay yang telah dibina oleh JobsMalaysia dengan kerjasama JKKK Kampung Peta | 115 |
| 4.31 | Homestay yang telah dibina oleh JobsMalaysia dengan kerjasama JKKK Kampung Peta | 116 |
| 4.32 | Gerai Produk Orang Asli Kahang yang dibina oleh JobsMalaysia dengan kerjasama kerajaan negeri dan Persekutuan | 116 |
| 4.33 | Gerai Produk Orang Asli Kahang yang baru siap sepenuhnya | 117 |
| 6.1 | Pencawang yang baru dibina oleh syarikat telekomunikasi | 144 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|--------|---|--|
| COAC | - | <i>Center for Orang Asli Concerns</i> |
| DANCED | - | <i>Danish Corporation Environment and Development</i> |
| DEB | - | Dasar Ekonomi Baru |
| DPN | - | Dasar Pembangunan Nasional |
| DWN | - | Dasar Wawasan Negara |
| FELCRA | - | <i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i> |
| FELDA | - | <i>Federal Land Development Authority</i> |
| GTP | - | <i>Government Transformation Programme</i> |
| IKS | - | Industri Kecil dan Sederhana |
| JAKOA | - | Jabatan Kemajuan Orang Asli |
| JHEOA | - | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli |
| JKR | - | Jabatan Kerja Raya |
| JOA | - | Jabatan Orang Asli |
| KEDAP | - | Kelas Dewasa Bagi Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Peribumi |
| KEMAS | - | Jabatan Kemajuan Masyarakat |
| KIR | - | Ketua Isi Rumah |
| KKLW | - | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah |
| KKM | - | Kementerian Kesihatan Malaysia |
| KPM | - | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| KUD | - | Karnival Usahawan Desa |
| KSM | - | Kementerian Sumber Manusia |
| LLN | - | Lembaga Letrik Negara |
| MEKAR | - | Memodenisasikan Komuniti Orang Asli Rompin |
| MNS | - | <i>Malaysian Nature Society</i> |
| MOF | - | Kementerian Kewangan Malaysia |

| | | |
|---------|---|--|
| NERC | - | <i>Nature Education Research Centre</i> |
| PBR | - | Program Bantuan Rumah |
| PBSMM | - | Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia |
| PDRM | - | Polis Di-Raja Malaysia |
| PEMANDU | - | <i>Performance Management Delivery Unit</i> |
| PES | - | <i>Payment for Environmental Services</i> |
| PKD | - | Pusat Kesihatan Daerah |
| PKM | - | Parti Komunis Malaya |
| PPE | - | Program Pembangunan Ekonomi |
| PPRT | - | Projek Perumahan Rakyat Termiskin |
| PPS | - | Program Pembangunan Sosial |
| PPT | - | Program Petempatan Tersusun |
| PSK | - | Penyusunan Semula Kampung |
| PTNJ | - | Perbadanan Taman Negara Johor |
| PTPOA | - | Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli |
| RCAP | - | <i>Royal Commission on Aboriginal People</i> |
| RISDA | - | Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah |
| RKB | - | Rancangan Kampung Baru |
| RPS | - | Rancangan Pengumpulan Semula |
| SKP | - | Sekolah Kebangsaan Peta |
| SPKR | - | Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat |
| TNB | - | Tenaga Nasional Berhad |
| TNER | - | Taman Negara Endau-Rompin |
| TMK | - | Teknologi Maklumat dan Komunikasi |
| TOR | - | <i>Term of references</i> |
| UNESCO | - | Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu |
| WCS | - | <i>Wildlife Coservation Society</i> |

SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|---|--|-----|
| A | Soalan Temubual Ketua Isi Rumah (KIR) | 166 |
| B | Soalan Temubual Tok Batin | 175 |
| C | Soalan Temubual Pengurus Taman Negara Endau-Rompin (Peta) | 180 |
| D | Soalan Temubual Pegawai JAKOA Mersing | 184 |
| E | Borang Pengakuan Temubual Tok Batin | 187 |
| F | Borang Pengakuan Temubual Pengurus Taman Negara Endau-Rompin (Peta) | 188 |
| G | Borang Pengakuan Temubual Pegawai JAKOA Mersing | 189 |

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Orang Asli merupakan satu-satunya kaum pribumi yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Walaupun kebanyakan perkampungan yang mereka dirikan jauh daripada dunia luar, namun sosioekonomi masyarakat Orang Asli kini didapati telah mengalami perubahan berbanding 20 tahun yang lalu di mana tahap ekonomi mereka kini lebih moden dan bukan lagi jenis primitif. Secara umumnya, kebanyakan dari mereka tidak lagi bergantung kepada ekonomi tradisional iaitu mencari hasil hutan semata-mata, malah kini mereka sudah mula memasuki ekonomi industri sekaligus telah meningkatkan taraf hidup mereka (Omar, 2008). Namun begitu, perubahan tersebut sering kali dijadikan isu perdebatan dalam usaha meningkatkan taraf hidup mereka di samping mengekalkan adat dan kebudayaan tradisi mereka yang semakin terhakis akibat pembangunan tersebut.

Orang Asli Jakun merupakan salah satu daripada 19 sub-kumpulan suku kaum Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Menurut Kamila, Sakina dan Khatijah (2010), suku kaum Jakun adalah tergolong dalam kumpulan Melayu-Proto dan tinggal di negeri Pahang dan Johor (Ghazali, Suffian & Shamsudin, 2010). Dalam konteks pembangunan Orang Asli, mereka juga terlibat secara langsung dengan program pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan dan Negeri

sebagaimana penduduk Orang Asli Jakun yang tinggal di Kampung Peta. Justeru, bahagian ini menghuraikan tentang latar belakang serta objektif kajian yang telah dijalankan iaitu berkenaan dengan pembangunan sosioekonomi penduduk Orang Asli Jakun di Kampung Peta

1.2 Latar Belakang

Pembangunan dianggap sebagai satu usaha untuk mencapai kemajuan. Pentakrifan kemajuan juga sering dikaitkan dengan pertumbuhan ekonomi sesebuah masyarakat (A. Samah & H. Hamsan, 2008). Oleh itu, pembangunan Orang Asli juga sering diukur berdasarkan pencapaian sosioekonominya. Justeru, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memastikan pencapaian sosioekonomi Orang Asli dapat dicapai. Secara umumnya, pembangunan masyarakat Orang Asli terdiri daripada dua bentuk iaitu pembangunan khusus dan pembangunan umum. Pembangunan khusus merupakan program pembangunan yang dilaksanakan untuk masyarakat Orang Asli. Ia melibatkan program pembangunan sosial, pembangunan keusahawanan dan juga pembangunan ekonomi. Manakala pembangunan umum pula merujuk kepada program pembangunan yang dilaksanakan secara menyeluruh di peringkat nasional dan telah memberi impak secara langsung kepada masyarakat Orang Asli yang juga merupakan salah satu suku kaum yang terdapat di negara ini.

Kaedah pembangunan tanah dan petempatan semula menjadi asas utama ke arah mencapai matlamat tersebut. Namun begitu, kaedah tersebut merupakan satu proses heterogen kerana melibatkan pengambilan tanah hutan, penukaran tanah hutan kepada ladang-ladang pertanian yang bertujuan keuntungan, pemilihan peneroka yang sesuai dan tidak mempunyai tanah atau yang memiliki kebun kecil yang akhirnya akan membuatkan mereka berjaya dari sudut ekonomi dan sosial (Bahrin, et. al, 1986). Proses tersebut berlaku selari dengan perkembangan tamadun manusia masa kini yang semakin maju dan moden tanpa sempadan.

Masyarakat Orang Asli juga turut tidak terkecuali. Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah ditubuhkan bagi memastikan transformasi sosial dan ekonomi masyarakat Orang Asli berlaku. JAKOA merupakan salah sebuah agensi kerajaan di

bawah KKLW yang berperanan khusus dalam mengurus dan mentadbir hal ehwal Orang Asli terutamanya dari aspek sosial dan ekonomi. Salah satu usaha JAKOA adalah dengan menyediakan Program Penempatan Tersusun (PPT). PPT adalah bertujuan untuk menempatkan semula masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya masih tinggal di kawasan pedalaman selain memudahkan pengurusannya. Selain itu, usaha ini juga dapat mengurangkan jarak perhubungan antara Orang Asli yang sinonim dengan kawasan hutan dengan masyarakat luar terutamanya di kawasan tumpuan seperti bandar dan pekan yang berhampiran sekaligus dapat mempengaruhi pembangunan sosioekonomi mereka.

Penggazetan kawasan hutan sebagai Taman Negara merupakan salah satu projek pembangunan yang dilaksanakan bagi memelihara dan memulihara kawasan hutan hujan tropika yang terdapat di negara ini. Pembangunan tersebut juga mampu menjana pendapatan negara melalui aktiviti pelancongan. Hasilnya, banyak peluang ekonomi yang ditawarkan kepada komuniti setempat. Dalam hal ini, Orang Asli yang tinggal berhampiran dengan Taman Negara tidak terkecuali menerima impak tersebut malah mereka turut memainkan peranan sebagai penggerak kepada sesetengah aktiviti pelancongan di Taman Negara.

Kajian oleh Zuriatunfadliah, Rosniza dan Habibah (2009) berkenaan dengan impak Taman Negara kepada Orang Asli telah mendapati Orang Asli etnik Bateq telah mengalami perubahan dari segi budaya akibat daripada aktiviti ekopelancongan di Taman Negara. Perubahan tersebut terbahagi kepada empat aspek iaitu bahasa, pemakanan, pakaian dan kraf tangan. Daripada empat aspek tersebut, hanya aspek pakaian sahaja yang mengalami perubahan serta-merta tanpa pengekalan budaya tradisional. Hal ini berbeza dengan aspek pemakanan yang hanya berubah sebahagiannya dan masih bercampur dengan budaya asal. Sebagaimana masyarakat Orang Asli Jakun di Kampung Peta, Taman Negara Endau-Rompin (TNER) telah memberi impak yang cukup besar kepada kehidupan mereka. Kedudukan kampung tersebut yang berhampiran dengan pintu masuk TNER memastikan banyak peluang ekonomi yang ditawarkan sejak penggazetannya sebagai Taman Negara pada tahun 1993.

1.3 Permasalahan Kajian

Penduduk Orang Asli Jakun yang tinggal di Kampung Peta juga merupakan salah satu komuniti Orang Asli yang menerima manfaat daripada program pembangunan yang dilaksanakan. Tambahan pula, mereka merupakan satu-satunya komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman dan juga kedudukannya berdekatan dengan pintu masuk Taman Negara Endau-Rompin Peta (TNER Peta). Aktiviti pelancongan yang berlaku di TNER Peta pastinya telah membuka peluang ekonomi di samping berlakunya perubahan cara hidup mereka menjadi lebih moden. Hal ini berlaku apabila pelancong yang datang membawa budaya moden telah ditiru oleh penduduk Orang Asli dan lama-kelamaan akan berlakunya difusi budaya. Hal ini telah dibuktikan oleh kajian Zuriatunfadliah, Rosniza dan Habibah (2009) yang mendapati Orang Asli etnik Bateq telah mengalami perubahan dari segi budaya akibat daripada aktiviti ekopelancongan di Taman Negara (Sakdan & Othman, 2012).

Taraf hidup masyarakat Orang Asli secara umumnya telah mengalami banyak perubahan ke arah yang lebih baik terutamanya dalam kalangan mereka yang tinggal di kawasan pinggir bandar atau berdekatan dengan perkampungan Melayu dan kaum-kaum majoriti yang lain. Namun begitu, sehingga sekarang taraf sosioekonomi mereka masih jauh ketinggalan berbanding masyarakat lain. Peratus kemiskinan masih tinggi. Hal ini merujuk data yang dikeluarkan oleh JAKOA (2008) menunjukkan bahawa kadar kemiskinan tegar dalam kalangan Ketua Isi Rumah (KIR) telah mengalami penurunan sejak tahun 2000 iaitu berjumlah 11 046 orang kepada 9003 orang pada tahun 2008. Walaupun telah mengalami penurunan, kadar jumlah kemiskinan tegar tersebut boleh dianggap besar dan masih ditahap membimbangkan.

Situasi ekonomi dan sosial yang tidak menentu serta desakan kehidupan arus perdana dalam kalangan Orang Asli ini akan menyebabkan mereka mula berhijrah ke kawasan tumpuan seperti kawasan bandar yang mempunyai peluang ekonomi yang lebih terjamin. *United Nation* (2012) dalam *Urban Indigenous Peoples and Migration: Challenges and Opportunities* menyatakan bahawa walaupun majoriti Orang Asli di seluruh dunia tinggal di kawasan pedalaman, namun semakin lama mereka mula berhijrah ke kawasan bandar sama ada secara sukarela atau dipaksa (United Nation,

2012). Faktor yang menyumbang kepada penghijrahan tersebut ialah perampasan tanah, kemiskinan, ketenteraan, bencana alam, kekurangan peluang pekerjaan, kemerosotan kehidupan tradisional dan prospek ekonomi yang lebih baik di bandar-bandar.

Pelaksanaan Program Penempatan Tersusun (PPT) oleh JAKOA yang dianggap sebagai projek penstrukturan semula masyarakat Orang Asli juga didapati kurang berjaya kerana Orang Asli kelihatan tidak serasi dan selesa dengan persekitaran baru tersebut. Hal ini disokong oleh kajian Ma'Rof dan Zahid (2008) yang berkaitan pembangunan Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) yang menempatkan Orang Asli serta pembangunan ekologi hutan. Kajian menunjukkan bahawa 65 peratus responden yang terdiri daripada masyarakat Orang Asli yang tinggal di RPS Banun dan Kemar di Perak menghadapi masalah pada peringkat awal mereka di RPS iaitu pada tahun 1979. Masalah tersebut dikategorikan kepada meninggalkan kampung dan menyesuaikan diri di tempat baru, masalah infrastruktur, masalah ekonomi dan masalah kesempitan hidup. Walaupun setelah dua dekad iaitu 1995, lebih 90 peratus daripada mereka masih menghadapi masalah yang boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu masalah kemudahan asas dan masalah ekonomi (Redzuan & Emby, 2008). Hal ini menunjukkan bahawa RPS masih belum mampu memberi sepenuhnya impak positif kepada masyarakat Orang Asli.

Pelancongan merupakan salah satu sektor yang menjadi penyumbang yang besar kepada pendapatan negara. Sektor ini banyak memberi manfaat kepada masyarakat khususnya Orang Asli yang memiliki keunikan mereka tersendiri. Namun begitu, penglibatan Orang Asli dalam pelancongan didapati masih dalam skala yang kecil. Kajian Zanisah, Nurul dan Mustaffa (2009) mengenai kesan ekonomi pelancongan terhadap komuniti Batek di Kuala Tahan menunjukkan bahawa penglibatan komuniti tersebut dalam dalam ekonomi pelancongan di Taman Negara Pahang boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu sebagai pekerja iaitu pemandu pelancong serta pemandu bot dan juga sebagai subjek tarikan pelancong atau ikon budaya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa peluang yang dibuka kepada Orang Asli tidak begitu luas dan menyeluruh serta tidak menggunakan kemahiran dan pengalaman Orang Asli secara maksimum.

Masalah berkenaan impak negatif dilihat lebih besar berbanding impak positif yang diterima oleh mereka. Walaupun kehidupan mereka mengalami perubahan atas

pembangunan yang dilaksanakan, namun perubahan tersebut berlaku atas kepentingan pihak lain dan bukan untuk menjaga kesejahteraan dan kerukunan hidup sebagai Orang Asli. Hal ini jelas dapat dilihat apabila kampung-kampung Orang Asli kini menjadi tumpuan pihak pembalok, syarikat perladangan dan rekreasi serta pengusaha hartanah (Dollah, 2008).

Penduduk Orang Asli Jakun di Kampung Peta juga pastinya menghadapi cabaran tersebut terutamanya dari aspek sosial dan ekonomi mereka. Tambahan pula, Kampung Peta terletak di pinggir Taman Negara Endau-Rompin. Menurut Ali (2006) dalam kajiannya menyatakan bahawa pada permulaan penggazetan kawasan hutan Endau-Rompin sebagai Taman Negara, komuniti Orang Asli di sekitar kawasan tersebut telah dijanjikan dengan peluang-peluang ekonomi khususnya daripada program pembangunan yang dilaksanakan (S. Mohamed, 2006). Namun peluang yang ada jelas tidak menyeluruh dan mencukupi serta kurang membantu komuniti tersebut dalam meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Yahaya (2009) menjelaskan, kegagalan pembangunan Orang Asli adalah disebabkan oleh perancangan yang lemah dan ketaktersediaan komuniti tersebut untuk menerima proses pembangunan (Ibrahim, 2006). Oleh itu, program pembangunan yang direncanakan untuk Orang Asli pada masa kini khususnya kepada penduduk Kampung Peta tidak menjamin untuk mencapai tahap yang membanggakan kepada sosioekonomi mereka.

1.4 Persoalan Kajian

Daripada pernyataan masalah, dua persoalan utama dapat disenaraikan iaitu :

- i) Apakah program pembangunan yang dilaksanakan di Kampung Peta?
- ii) Bagaimanakah keadaan sosioekonomi penduduk Orang Asli di Kampung Peta?
- iii) Apakah kaedah penambahbaikan yang boleh dilakukan untuk meningkatkan sosioekonomi mereka?

1.5 Objektif Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mencapai kelestarian transformasi sosioekonomi masyarakat Orang Asli terutamanya penduduk Orang Asli Jakun di Kampung Peta. Oleh itu, objektif kajian adalah seperti berikut :

- i) Menenal pasti pembangunan yang berlaku di Kampung Peta.
- ii) Mengkaji keadaan sosioekonomi penduduk Orang Asli Jakun di Kampung Peta.
- iii) Mengkaji cadangan penambahbaikan dalam meningkatkan sosioekonomi penduduk Kampung Peta.

1.6 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan adalah meliputi kawasan populasi kajian iaitu Kampung Peta yang dihuni oleh masyarakat Orang Asli Jakun. Kampung tersebut terdiri daripada 60 buah rumah dan mempunyai jumlah penduduk seramai sekitar 247 orang (Kajian Lapangan, 2014). Kampung Peta dipilih sebagai lokasi kajian kerana kedudukannya yang berhampiran dengan Taman Negara Endau-Rompin yang jauh di pedalaman. Sejak pewartaannya pada tahun 1993, Taman Negara tersebut telah memberi impak kepada Kampung Peta sama ada impak positif mahupun negatif.

Kajian ini memberi fokus kepada keadaan sosioekonomi mereka, terutamanya dari aspek jenis pekerjaan dan pendapatan; simpanan dan aset; serta pengurusan produk. Perubahan yang mereka alami sejak pewartaan Taman Negara juga turut diberi tumpuan. Hal ini bagi mengenalpasti pendekatan yang boleh digunakan untuk penambahbaikan program pembangunan bukan sahaja khusus untuk Orang Asli di Kampung Peta, malah juga di seluruh Malaysia secara amnya.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dilaksanakan bagi mengupas isu berkenaan dengan impak program pembangunan masyarakat Orang Asli terutamanya penduduk Orang Asli Jakun di Kampung Peta. Perwartaan Taman Negara Endau-Rompin juga dilihat sebagai satu

platform kepada pembangunan mereka yang boleh diperkasakan peranannya. Kaedah penyelesaian yang terhasil dari kajian ini sekaligus dapat membantu pihak kerajaan melalui JAKOA dan pihak bukan kerajaan dalam merangka pembangunan Orang Asli yang lestari.

Kajian ini juga boleh dijadikan sumber ilmu pengetahuan bagi pendedahan dan pemahaman kepada masyarakat khususnya pihak yang terlibat dengan pembangunan Orang Asli. Kupasan isu melalui kajian ini juga perlu bagi membuka mata dan minda anggota masyarakat kini tentang pentingnya melestarikan budaya dan warisan Orang Asli terutamanya dari aspek sosioekonomi yang seringkali berhadapan dengan cabaran arus pembangunan masa kini.

Selain itu, kajian ini juga penting untuk pendokumentasian agar menjadi rujukan masyarakat, dan juga para penyelidik yang lain. Kajian ini juga mampu mengembangkan dan memantapkan lagi bidang ilmu berkaitan sosioekonomi Orang Asli yang dilihat semakin berubah hasil daripada impak pembangunan di kawasan persekitarannya. Hal ini kerana setiap kajian yang dijalankan mempunyai perbezaannya yang tersendiri, termasuklah dari segi masa kajian dilaksanakan, permasalahan yang diutarakan, hasil kajian yang diperolehi dan sebagainya. Keadaan ini akan mewujudkan satu kombinasi ilmu yang pelbagai dan menjadi satu gabungan yang mantap bagi menjelaskan lagi sesuatu isu yang diketengahkan.

1.8 Organisasi Penulisan Tesis

Penyusunan penulisan tesis amat penting terutamanya berkenaan dengan kualiti tesis selain dapat memudahkan pembaca untuk memahami penulisan ilmiah ini. Justeru, kajian ini disusun dan dibahagikan kepada enam bab mengikut urutan proses kajian.

Bab 1

Bab 1 adalah Pengenalan yang membincangkan tentang proses awal untuk melaksanakan kajian. Dalam bahagian ini, pengkaji telah menyusun proses tersebut bermula daripada pendahuluan, pernyataan masalah, persoalan, objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian, organisasi tesis serta sedikit rumusan bagi penutup bab.

Bab 2

Bab 2 merupakan bahagian yang menerangkan tentang kajian lepas berkenaan isu-isu sosioekonomi Orang Asli sama ada di dalam atau di luar negara yang juga memiliki pelbagai suku kaum Orang Asli. Isu-isu ini dikupas berdasarkan hasil daripada pembacaan maklumat yang terdapat di dalam bahan bacaan yang telah diterbitkan seperti buku-buku, jurnal, makalah, tesis, kertas seminar, surat khabar, rencana, media elektronik dan sebagainya. Justeru bahagian ini juga dikenali sebagai kajian literatur. Rumusan juga dibuat pada penghujung bahagian ini.

Bab 3

Bab 3 merupakan bahagian yang menjelaskan berkenaan dengan metodologi atau kaedah kajian. Dalam kajian ini, telah dipecahkan kepada tiga proses iaitu kaedah persampelan, kaedah pengumpulan data dan juga kaedah pemprosesan data. Dalam proses pengumpulan data, kaedah yang digunakan adalah temubual menggunakan soalan separa struktur dan juga soalan berstruktur. Kaedah pemerhatian tidak turut serta juga turut dibincangkan.

Bab 4

Bab 4 pula akan menghuraikan tentang objektif pertama iaitu mengenal pasti pembangunan yang berlaku di Kampung Peta. Justeru, perkara yang akan dihuraikan adalah berkaitan dengan program pembangunan sosial dan juga ekonomi yang dijalankan terhadap penduduk Kampung Peta yang telah memberi impak kepada taraf sosioekonomi mereka. Analisis bagi data tersebut juga dinyatakan dalam bahagian ini.

Bab 5

Bab 5 akan membincangkan mengenai objektif kedua iaitu mengkaji keadaan sosioekonomi penduduk Orang Asli Jakun yang tinggal di Kampung Peta. Huraian

berkenaan objektif tersebut akan memberi penekanan terhadap keadaan sosioekonomi mereka berdasarkan aspek pekerjaan dan pendapatan; simpanan dan aset; serta pengurusan produk.

Bab 6

Bab 6 adalah bahagian cadangan penambahbaikan bagi program pembangunan yang dijalankan khususnya di Kampung Peta. Cadangan yang disenaraikan adalah berdasarkan masalah yang berlaku bagi memastikan kelestarian pembangunan sosioekonomi Orang Asli Jakun di Kampung Peta dapat dicapai.

Bab 7

Bab 6 adalah merupakan bahagian rumusan iaitu bahagian terakhir dalam tesis ini. Bahagian ini akan mengolah keseluruhan kajian ini. Kajian ini turut menyenaraikan tentang cabaran yang perlu dihadapi dalam membangunkan sosioekonomi penduduk Kampung Peta.

1.9 Kesimpulan

Keseluruhannya, bab ini merupakan bahagian pengenalan yang membincangkan tentang latar belakang kajian ini. Isu dan permasalahan telah ditentukan pada peringkat awal agar perjalanan kajian sentiasa berlandaskan perancangan yang disusun supaya objektif dapat dicapai. Bagi memastikan kajian ini sentiasa berada di landasannya, skop kajian telah dirangka. Skop bagi kajian ini adalah Kampung Peta yang dipilih sebagai lokasi kajian kerana kedudukannya yang berhampiran dengan Taman Negara Endau-Rompin yang jauh di pedalaman yang memungkinkan penduduk Orang Asli Jakun yang tinggal di kampung tersebut menerima impak daripada pembangunannya.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Perancangan pembangunan dianggap sebagai salah satu elemen penting dalam mencapai kemajuan sesebuah masyarakat. Di Malaysia, pelbagai dasar dan perancangan yang telah dilaksanakan oleh pihak pemerintah bagi membangunkan seluruh lapisan masyarakat di seluruh negara. Dasar merupakan garis panduan bagi melaksanakan sesuatu matlamat dan mempunyai inti pati tertentu ke arah perubahan yang dihasratkan (A. Samah & H. Hamsan, 2008). Dengan pelaksanaan dasar-dasar utama negara seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Dasar Wawasan Negara (DWN) dan yang terbaru, *Government Transform Programme* (GTP) adalah demi mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 . Namun begitu, dalam konteks masyarakat Orang Asli, pembangunan yang rancak kini kurang memberi impak kepada mereka seperti yang diharapkan disebabkan oleh perancangan yang tidak direncana dengan teliti dan kurang mengambil faktor kesediaan serta aspirasi sebenar kelompok masyarakat tersebut (Ali S M., 2006).

Justeru bab ini akan membincangkan tentang definisi konsep bagi kajian ini iaitu Orang Asli, sosioekonomi, pembangunan dan transformasi. Bab ini juga akan menghuraikan tentang teori sosiologi iaitu struktur fungsionalisme dan juga kerangka teoritikal yang menjadi tunjang kepada kajian ini. Pembinaan kerangka teoritikal ini adalah berdasarkan kajian-kajian lepas, penulisan ilmiah seperti jurnal, surat khabar, majalah dan bahan bacaan yang lain.

2.2 Definisi Konsep

Beberapa konsep telah disenaraikan bagi kajian ini iaitu Orang Asli, sosioekonomi, pembangunan dan transformasi. Konsep-konsep ini akan dihuraikan berdasarkan kajian perpustakaan yang telah dijalankan.

2.2.1 Orang Asli

Orang Asli merupakan salah sebuah etnik minoriti dan antara warisan yang unik di Malaysia. Justeru, tidak hairanlah sekiranya ramai ahli akademik dan para sarjana begitu tertarik untuk membuat kajian berkenaan dengan perkara yang melibatkan Orang Asli. Dari segi sejarahnya pula, pengkajian terhadap Orang Asli telah bermula sejak abad ke-19 lagi. Menurut Gomes (1987), antara tokoh yang terawal dalam mengkaji tentang masyarakat Orang Asli ini adalah Anderson (1850) dan Hole (1888) (Ah Choy, Zalina & Joy, 2010).

Komuniti Orang Asli merupakan sebuah masyarakat minoriti peribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Majoriti daripada mereka tinggal di kawasan hutan dan masih mengamalkan cara hidup tradisional yang banyak dipengaruhi oleh alam sekitar dan amalan lama tinggalan nenek moyang mereka. Takrifan Orang Asli dalam Perlembagaan Malaysia telah termaktub dalam Perkara 160(2) yang menyatakan bahawa Orang Asli adalah merujuk kepada Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu. Mengikut Akta 134 (Akta Orang Asli 1954) dibawah Fasal 3 menjelaskan :

- i) bapanya adalah seorang dari rumpun bangsa Orang Asli, yang bercakap dalam bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seseorang keturunan melalui lelaki itu;
- ii) mana-mana orang dari apa-apa kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa masih kanak-kanak oleh Orang Asli dan telah dididik sebagai seorang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan adalah seseorang itu dari sesuatu masyarakat Orang Asli ; atau

- iii) anak dari apa-apa persatuan antara seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki dari satu kaum lain, dengan syarat bahawa anak itu lazim bercakap dalam bahasa Orang Asli, lazim mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi seseorang dari masyarakat Orang Asli.

Jadual 2.1 : Pecahan sub-sub golongan Orang Asli di Malaysia
(Iskandar Carey, 1976)

| Kumpulan | Senoi | Negrito | Melayu Proto |
|-------------|------------|---------|--------------|
| Subkumpulan | Temiar | Kintak | Temuan |
| | Semai | Kensiu | Semelai |
| | Che Wong | Jahai | Jakun |
| | Jah Hut | Batek | Kanaq |
| | Semaq Beri | Mndrik | Seletar |
| | Mah Meri | Lanoh | Orang Kuala |

Jadual 2.1 di atas menunjukkan pecahan sub-sub golongan Orang Asli di Malaysia. Berdasarkan jadual tersebut, Orang Asli boleh dibahagikan kepada 19 sub golongan. Walau bagaimanapun untuk tujuan pentadbiran, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA sekarang JAKOA) membahagikan sejumlah golongan tersebut kepada tiga kumpulan utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto yang juga disebut Melayu Asli. Pembahagian kepada golongan-golongan tersebut adalah berdasarkan rupa fizikal, bahasa dan adat yang diamalkan oleh setiap golongan. Pecahan golongan dan sub golongan adalah seperti Jadual 2.2 di bawah :

Jadual 2.2 : Pecahan kumpulan kaum dan rumpun Orang Asli
mengikut negeri, 2008
(Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2008)

| Negeri | Senoi | Melayu Proto (Asli) | Negrito | Jumlah |
|-----------------|--------|------------------------|---------|---------|
| Johor | 44 | 10,893 | 1 | 10,938 |
| Kedah | - | - | 196 | 196 |
| Kelantan | 9,702 | 19 | 1,086 | 10,807 |
| Melaka | 27 | 1,208 | - | 1,235 |
| Negeri Sembilan | 74 | 8,380 | - | 8,454 |
| Pahang | 23,120 | 26,892 | 780 | 50,792 |
| Perak | 40,856 | 410 | 1,575 | 42,841 |
| Selangor | 4,651 | 10,556 | 3 | 15,210 |
| Terengganu | 682 | 45 | 30 | 757 |
| Jumlah | 79,156 | 58,403 | 3,671 | 141,230 |

Jadual 2.2 pula merupakan pecahan kumpulan kaum dan rumpun Orang Asli mengikut negeri pada tahun 2008 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Pecahan menunjukkan bahawa jumlah Orang Asli yang berdaftar di Malaysia pada tahun 2008 adalah seramai 141,230 orang. dengan negeri Pahang memiliki jumlah paling ramai iaitu sebanyak 50,792 orang. Negeri yang mempunyai jumlah Orang Asli paling sedikit adalah di negeri Kedah iaitu seramai 196 orang. Hal ini disebabkan oleh saiz negeri yang mana negeri Pahang merupakan negeri terbesar di Semenanjung berbanding negeri Kedah yang merupakan salah sebuah negeri kecil di Malaysia.

Menurut Dentan (1976) dalam konteks masyarakat umum, Orang Asli juga dikenali sebagai Aslian dan seringkali dinamakan sebagai Sakai walaupun sebenarnya penggunaan nama tersebut tidak digalakkan. Hal ini kerana menurut persepsi umum, Sakai adalah kelompok manusia yang hidup di dalam hutan dan masih meneruskan gaya hidup yang bersifat primitif. Mereka juga dikatakan tidak mempunyai agama yang khusus dan tiada peraturan hidup dan dianggap sebagai bodoh dan tidak mahu menerima kemajuan malah ada yang mengatakan bahawa masyarakat ini hidup liar dan ganas (Ah Choy, Zalina & Joy, 2010).

Orang Asli Jakun adalah merupakan fokus utama dalam kajian ini kerana melibatkan penduduk Kampung Peta yang terdiri daripada suku kaum Jakun. Orang Asli Jakun atau dikenali sebagai Orang Ulu adalah daripada suku kaum Melayu Proto (Melayu Asli) yang kebanyakannya tinggal di kawasan banjaran Titiwangsa terutamanya di negeri Johor, Selangor dan Pahang. Mengikut sejarahnya, mereka berasal dari Yunan, iaitu di selatan China dan mula berhijrah ke Semenanjung Malaysia sekitar 5000 tahun yang lalu. Kebanyakan daripada mereka masih mengamalkan kepercayaan animisme yang berkait rapat dengan alam sekitar seperti gunung, bukit, lembah, sungai, batu, gua dan sebagainya (KPM, 1998). Mereka juga masih percaya sesuatu bencana yang berlaku terhadap kampung mereka adalah berpunca daripada salah seorang penduduknya yang telah melanggar pantang larang mereka.

Ketua bagi setiap kampung Orang Asli Jakun digelar sebagai Batin yang berkuasa ke atas segala hal ehwal kampung. Batin juga berperanan menghubungkan masyarakat Orang Asli di bawah jagaannya dengan pihak JAKOA. Pada awalnya,

pemilihan Batin adalah melalui warisan iaitu, dari satu keturunan kepada satu keturunan yang lain. Namun kini pemilihannya berbeza. Batin dipilih berdasarkan kelayakan dan kualiti yang diakui seperti mempunyai kepimpinan yang tinggi dan dihormati oleh majoriti masyarakat Orang Asli di sesebuah kampung di samping mempunyai kelebihan-kelebihan lain.

Orang Asli Jakun terbahagi kepada dua kumpulan iaitu mereka yang tinggal di hutan dan mereka yang tinggal di pesisir pantai yang lebih dikenali sebagai Orang Laut (Ghazali, K., Suffian, S. & Shamsudin, K., 2010). Kehidupan mereka pada masa kini telah banyak berubah. Jika dahulu mereka lebih kepada memburu dan mengumpul untuk meneruskan kehidupan, mereka kini lebih bersifat terbuka dengan menceburkan diri dalam sektor pekerjaan tidak kira awam mahupun swasta. Mengikut tradisi, mereka yang tinggal di hutan akan mengumpul buah-buahan dan hasil hutan. Bagi memburu atau menangkap binatang, mereka menggunakan buluh sumpitan yang beracun serta jerat yang sememangnya diwarisi sejak zaman-berzaman.

2.2.2 Sosioekonomi

Aspek sosioekonomi merupakan asas kepada segala perancangan pembangunan dalam sesebuah masyarakat. Menurut Rahimah (2001), aspek sosioekonomi merujuk kepada perkara-perkara yang berkenaan dengan guna tenaga, demografi, pekerjaan, dan organisasi yang formal dan kompleks. Aspek tersebut saling berkaitan dan berhubungan antara satu sama lain demi menjamin keseimbangan system di dalam sesebuah masyarakat.

Secara konseptualnya, sosioekonomi terdiri daripada gabungan dua konsep iaitu sosial dan ekonomi (Yusof, 2010). Sosial merujuk kepada struktur dan sifat-sifat kelompok manusia yang saling berinteraksi dan berhubungan antara satu sama lain. Lebih jelas lagi, aspek sosial merangkumi segala interaksi melalui komunikasi sesama penduduk tidak kira komunikasi jenis sehala atau dua hala.

Dalam definisi lain, konsep sosioekonomi merujuk kepada gabungan daripada dua aspek utama dalam masyarakat iaitu sosial dan ekonomi yang melibatkan perkara yang berkaitan dengan jumlah isi rumah, pekerjaan, status perkahwinan, pendapatan,

status pelajaran, kesihatan serta pemilikan harta (M. Shuid, 2011). Semua perkara tersebut menjadi ukuran dalam menentukan taraf sosioekonomi sesebuah masyarakat. Definisi ini juga disokong oleh O'Boy yang menyatakan bahawa :

“Development in social economic need justice and equality, gender, corporation, work, poverty the environment, class, institutions, public policy and methodology are some of it's important theme.” (O'Boy, 1996)

Definisi konsep sosioekonomi yang disarankan oleh O'Boy juga merangkumi dua disiplin iaitu ekonomi dan sosial yang dilihat mempunyai hubungan antara satu sama lain. Hubungan antara dua disiplin tersebut juga akan melibatkan aspek-aspek yang lain seperti migrasi, kelahiran, kematian, nisbah lelaki dan perempuan, kepadatan, pekerjaan, rekreasi, perumahan dan sebagainya (M. Shuid, 2011).

Aspek pendidikan juga merupakan salah satu elemen penting dalam sosioekonomi. Pendidikan bukan sahaja merujuk kepada ilmu bersifat ilmiah sahaja, malah turut melibatkan keupayaan dan kemahiran. Di Australia, penduduk yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi adalah berisiko untuk dipinggirkan dalam pasaran kerja. Menurut Richard (2002), hal ini disebabkan oleh pasaran kerja di sana lebih mementingkan tahap pengetahuan yang tinggi selain berkemahiran dan berkeupayaan dalam mencipta idea-idea baru dalam membangunkan negara (Richard, 2002). Keadaan ini menunjukkan bahawa, mereka yang mempunyai pendidikan dan kemahiran yang tinggi adalah mudah untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik.

Secara umumnya dalam sesebuah masyarakat, ekonomi merupakan sistem utama yang mempengaruhi institusi-institusi sosial yang lain. Ekonomi juga merujuk kepada satu sistem sosial yang meliputi persoalan pengeluaran, pengagihan dan penggunaan barangan serta perkhidmatan (Yusof, 2010). Justeru, dalam meneruskan kelangsungan hidup, setiap kelompok masyarakat akan sentiasa bertingkah laku ekonomi bagi memastikan segala keperluan asas iaitu pakaian, makanan dan tempat tinggal terjamin.

Transformasi sosioekonomi masyarakat Malaysia sebenarnya telah berlaku sejak sebelum Merdeka lagi dan penggeraknya pula adalah pihak penjajah terutamanya penjajah Inggeris. Demi menjaga pengaruh dan kuasanya di Tanah Melayu ketika itu, jentera dan sistem pentadbiran, undang-undang dan politik disusun dengan baik. Sistem

pengangkutan, perhubungan dan komunikasi juga dimajukan. Sistem pelajaran pula diubah untuk melatih rakyatnya supaya menjadi tenaga kerja mahir dalam apa jua perkhidmatan yang disediakan. Kepesatan pertumbuhan pembangunan hasil transformasi tersebut mula dirasakan sekitar tahun 1970-an (A. Aziz, R., 2000) dan diteruskan dengan pelbagai dasar pembangunan negara melalui Rancangan Malaysia khusus untuk membangun dan memajukan sosioekonomi masyarakat Malaysia secara keseluruhannya.

2.2.3 Pembangunan

Pembangunan dianggap sebagai kemajuan yang dikecapi oleh sesebuah masyarakat. Pada awalnya, pentakrifan pembangunan dapat dinilai dari sudut pertumbuhan dan perkembangan ekonominya (A. Samah, A. & H. Hamsan, H., 2008). Ekonomi yang kukuh dikatakan mampu mengubah sistem sosial ke arah lebih dinamik dan berdaya saing. Namun begitu, perkembangan ekonomi tersebut perlu disertai oleh proses modenisasi secara menyeluruh di samping penambahbaikan dari semasa ke semasa supaya mampu menjamin perolehan pendapatan yang setimpalnya dalam segenap lapisan masyarakat.


Menurut H. M. Dahlan (1989) pula, pembangunan merangkumi pelbagai aspek kehidupan manusia, apa jua aspek masyarakat manusia, apa jua bentuk institusi dan Negara malah apa jua sistem alam semula jadi, pastinya melibatkan manusia dan dalam penghujungnya nanti akan berkeupayaan untuk melebarkan kemakmuran hidup dalam kalangan manusia (Ah Choy, E., Zalina & Joy, J. P., 2010). Secara tidak langsung, pembangunan merupakan satu proses yang dilaksanakan untuk mencapai kemajuan, pertumbuhan dan perubahan ke arah yang lebih baik. Namun begitu, dalam mencapai pembangunan tersebut perlu mempunyai perancangan teliti dan tersusun bagi mengelak timbulnya masalah pada masa depan.

2.3 Pembangunan Orang Asli Di Malaysia

Pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam tempoh RMKe-8 dan RMKe-9 telah memperlihatkan tahap pembangunan sosioekonomi dan kualiti hidup Orang Asli bertambah baik. Di ambang tempoh pelaksanaan RMKe-10, masyarakat Orang Asli akan berhadapan dengan cabaran pembangunan negara yang semakin pesat ke arah menuju negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020 (JAKOA, 2011). Persoalan timbul berkenaan persediaan mereka menghadapi cabaran dan arus pembangunan negara pada masa hadapan. Justeru, pihak kerajaan menerusi kementerian dan agensi tertentu, telah menyalurkan pelbagai inisiatif dan program pembangunan demi meningkatkan taraf hidup mereka.

2.3.1 Sejarah Pembangunan Orang Asli

Dari segi sejarah, masyarakat Orang Asli terletak dalam lapisan paling bawah dalam sistem feudalisme iaitu tergolong dalam golongan hamba kerana sering terpinggir dari kumpulan dominan yang diterajui oleh budaya Melayu bertunjangkan agama Islam yang lebih tersusun dan dikagumi (Zawawi, 1996).



Rajah 2.1 : Sistem stratifikasi sosial feudalisme


Rajah 2.1 menunjukkan sistem stratifikasi sosial pada zaman feudalisme atau sistem beraja. Walau bagaimanapun, golongan hamba bukan sahaja terdiri daripada masyarakat Orang Asli sahaja, malah turut disertai oleh sebahagian kecil dari golongan petani Melayu yang dikategorikan sebagai hamba tebusan oleh golongan kelas pemerintah. Namun begitu, mereka diberi perlindungan di bawah raja atau pembesar

melalui beberapa langkah antaranya melalui perkahwinan serta diberikan tempat yang istimewa tertama dalam menjaga identiti mereka sebagai Orang Asli. Hal ini jelas menunjukkan bahawa telah wujud pengurusan berkenaan masyarakat Orang Asli walaupun mereka hanya dianggap sebagai golongan hamba.

Usaha pembangunan Orang Asli telah dijalankan sejak zaman penjajahan Inggeris ke atas Tanah Melayu lagi. Pembangunan tersebut boleh dibahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat pertama, kedua dan ketiga mengikut tujuan program pembangunan tersebut dilaksanakan.

2.3.1.1 Peringkat Pertama

Kerajaan Inggeris yang terbentuk setelah menaklukan Tanah Melayu pada ketika itu telah menstrukturkan semula pemerintahan menjadikannya satu sistem pentadbiran yang baru dan lebih dinamik. Hal ini merujuk kepada doktrin pengasingan kuasa yang telah dikemukakan oleh Montesquieu, seorang ahli falsafah Perancis (Teck Chong, G., Yew Hong, W. & Basir, S., 2006). Mengikut doktrin ini, kuasa pemerintahan sesebuah negara terbahagi kepada tiga iaitu Badan Perundangan (Legislatif), Badan Kehakiman (Judisiari) dan Badan Pentadbiran (Eksekutif). Hal ini boleh dirujuk pada Rajah 2.2 di bawah :



Rajah 2.2 : Doktrin Pengasingan Kuasa

Hal ehwal Orang Asli pada ketika itu telah diletakkan di bawah badan pentadbiran atau eksekutif (M. Shuid, A., 2011). Hal ini adalah bertujuan untuk melindungi masyarakat supaya tidak terpengaruh dengan perubahan yang giat berlaku terutamanya berkenaan dengan arus kemodenan yang boleh merosakkan identiti asal

mereka. Pihak Inggeris juga menganggap mereka sebagai suatu bahan unik yang perlu dilindungi dan dipelihara supaya mereka sentiasa berada dalam keadaan asalnya yang mempunyai sejarah tersendiri.

2.3.1.2 Peringkat Kedua

Semasa Perang Dunia Kedua meletus, pihak Inggeris terpaksa mengumpul semua masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman untuk diletakkan di kem-kem keselamatan yang telah disediakan (M. Shuid, A., 2011). Tindakan ini adalah bertujuan menghalang masyarakat Orang Asli daripada memberikan maklumat risikan dan bantuan makanan kepada Parti Komunis Malaya (PKM) yang sangat aktif di kawasan hutan. Kem keselamatan tersebut dilengkapi dengan jururawat dan kedai kecil yang membekalkan barang-barang keperluan harian. Pengurusan dan pentadbiran di kem tersebut adalah dibawah kuasa pihak polis.

Pada awalnya, proses pengumpulan menjadi sukar akibat kurangnya kerjasama Orang Asli dalam menjayakan strategi tersebut. Bagi melicinkan proses tersebut serta memujuk Orang Asli supaya berpihak kepada kerajaan Inggeris, sebuah jabatan yang diberi nama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) pula ditubuhkan dan telah diketuai oleh Major P.D.R. William Hunt. Jabatan ini berperanan untuk mentadbir masyarakat Orang Asli selain memastikan pengawalan yang lebih sempurna.

2.3.1.3 Peringkat Ketiga

Proses dalam membangunkan masyarakat Orang Asli pada awalnya dilihat lebih bermotifkan keselamatan. Namun pada peringkat ini, pembangunan Orang Asli lebih bertujuan untuk meningkatkan sosioekonomi mereka. Kem-kem keselamatan yang dibina akhirnya dijadikan sebuah perkampungan yang lengkap dengan kemudahan awam seperti sekolah, klinik, dan kedai melalui Program Penempatan Tersusun (PPT). PPT merupakan salah sebuah program pembangunan yang digariskan oleh JHEOA yang kini dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Selain PPT, program lain yang turut menjadi tumpuan adalah Program Pembangunan Ekonomi (PPE) serta juga Program Pembangunan Sosial (PPS) (JAKOA, 2013).

2.3.2 Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) merupakan sebuah jabatan kerajaan yang menguruskan kebajikan Orang Asli. Pada awal penubuhannya pada tahun 1954, jabatan ini dikenali sebagai Jabatan Orang Asli (JOA) dan diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada 1956 pula, JOA telah diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran dengan nama Jabatan Muzium, Arkib dan Penyelidikan Orang Asli. Pihak kerajaan meneruskan perubahan dengan meletakkan jabatan tersebut di bawah Kementerian Dalam Negeri pada tahun 1959 dengan menukar semula nama jabatan tersebut kepada nama asal iaitu Jabatan Orang Asli (JOA).

Pada tahun 1963, nama jabatan tersebut ditukar kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) sehinggalah penjenamaannya semula pada tahun 2009 dengan nama baru yang digunapakai sehingga ke hari ini (Ali, Z. A., 2005). Nama baru tersebut adalah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) yang telah diumumkan secara rasminya ketika pembentangan Bajet 2011 di Parlimen pada 15 Oktober 2010 oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Bermula tahun 2001 sehingga kini, JHEOA atau kini JAKOA telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) kerana peranannya membangunkan Orang Asli yang sinonim dengan masyarakat luar bandar.

Berasaskan matlamat untuk menyediakan masyarakat Orang Asli yang mampu mendepani cabaran masa depan, pada tahun 2010, pihak JAKOA juga telah menggerakkan lima kumpulan atau pasukan kerja yang meliputi :

1. *Focus Group* Ekonomi : Membincangkan isu-isu kemiskinan dan tahap ekonomi masyarakat Orang Asli.
2. *Focus Group* Kemudahan Prasarana : Membincangkan isu-isu kemudahan prasarana di perkampungan Orang Asli.
3. *Focus Group* Pendidikan : Membincangkan isu-isu pendidikan masyarakat Orang Asli.
4. *Focus Group* Kesihatan : Membincangkan isu-isu kesihatan masyarakat Orang Asli.

5. *Focus Group* Pengetahuan Tradisional dan Warisan : Membincangkan isu-isu dan kekangan bagi pemuliharaan warisan Orang Asli.

Selain daripada membincangkan pembangunan Orang Asli, Focus Group yang diwujudkan ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan maklumat serta pelan tindakan pembangunan yang komprehensif selaras dengan Terma Rujukan (TOR) yang meliputi perkara berikut :

1. Menilai dan mengkaji semula keberkesanan program-program pembangunan masyarakat Orang Asli.
2. Mencadangkan kaedah-kaedah penambahbaikan terhadap program-program yang sedia ada.
3. Mencadangkan dan mengesyorkan program dan projek-projek yang lebih berdaya maju untuk meningkatkan kualiti hidup dan tahap pendapatan masyarakat Orang Asli.
4. Mewujudkan perkongsian bestari dan pertukaran maklumat serta kepakaran di antara pelbagai pihak yang berkepentingan terhadap pembangunan masyarakat Orang Asli.
5. Memberi pandangan untuk menarik minat sektor swasta untuk menyertai pelaksanaan program-program baru.
6. Menyumbang penulisan dalam media massa untuk memperkenalkan keunikan kebudayaan masyarakat Orang Asli.
7. Membina pangkalan data tentang pelbagai maklumat dan penyelidikan yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli.

Masyarakat Orang Asli sinonim dengan masyarakat yang tinggal di luar bandar. Segala hal ehwal Orang Asli telah diletakkan di bawah urus tadbir KKLW menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). Bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam arus kemajuan dan modenisasi, JAKOA telah merancang pelbagai program pembangunan yang selaras dengan Wawasan 2020 dan Dasar Ekonomi Baru. Garis panduan masyarakat Orang Asli telah dikaji semula ke arah mempercepatkan peningkatan taraf sosioekonomi di samping mengekalkan budaya mereka.

Jadual 2.3 : Prestasi Pembangunan Masyarakat Orang Asli, 2008
(Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2008)

| Komponen | Jumlah (Kampung) | Liputan (Kampung) | Peratusan (%) |
|------------------|------------------|-------------------|---------------|
| Bekalan Elektrik | 852 | 526 | 61.7 |
| Bekalan Air | 852 | 651 | 76.4 |
| Jalan Masuk | 852 | 727 | 85.3 |

Jadual 2.3 menunjukkan prestasi pembangunan yang disediakan oleh pihak kerajaan kepada Orang Asli yang bertujuan bagi memudahkan segala urusan dalam kehidupan seharian mereka. Sehingga tahun 2008, daripada 852 buah perkampungan Orang Asli, 526 buah atau 61.7 peratus daripada kampung tersebut telah memperoleh liputan bekalan elektrik. Bagi bekalan air pula, 651 buah kampung atau 76.4 peratus turut telah mendapat kemudahan tersebut di kampung masing-masing. Sementara 727 buah kampung dari jumlah keseluruhan kampung Orang Asli juga telah menerima kemudahan jalan masuk yang disediakan bagi memudahkan interaksi antara penduduk Orang Asli dengan masyarakat luar. Hal ini menunjukkan bahawa, lebih daripada separuh telah menerima kemudahan tersebut dan kemudahan tersebut akan dilaksanakan kepada kampung Orang Asli yang lain secara berperingkat.

Justeru, JAKOA telah merangka satu model pembangunan berdasarkan fokus ara yang telah dibahagikan kepada tiga program iaitu Program Penempatan Tersusun, Program Pembangunan Ekonomi dan Program Pembangunan Sosial. Di bawah program tersebut, JAKOA telah merangka beberapa rancangan bagi menjayakan program pembangunan yang dijalankan.

2.3.2.1 Program Penempatan Tersusun

Program Penempatan Tersusun terdiri daripada beberapa program iaitu Rancangan Pengumpulan Semula (RPS), Penyusunan Semula Kampung (PSK), Bencana Alam, Rancangan Kampung Baru (RKB) dan juga Pembangunan Tanah (JAKOA, 2013). Antara perancangan dan pelaksanaan yang telah mereka lakukan adalah seperti berikut :

1. Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) : Terdapat 16 RPS diwujudkan untuk menempatkan masyarakat Orang Asli yang tinggal bertaburan ke dalam satu kawasan yang dibangunkan secara bersepadu yang melibatkan pembangunan tanah, kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam serta kawasan perumahan. Projek ini diteruskan dalam RMK 9 dan pada tahun 2008 peruntukkan sebanyak RM14,444.000.00 disediakan iaitu : Pahang 7 - RPS, Perak - 6 RPS, Kelantan - 3 RPS.
2. Penyusunan Semula Kampung (PSK) : PSK merupakan projek pembangunan setempat melibatkan masyarakat Orang Asli di perkampungan tradisional yang tertumpu di pinggir bandar dan kawasan pedalaman. JAKOA menyediakan RM 8,793,000.00 untuk melengkapkan pelbagai kemudahan awam dan asas di penempatan mereka yang telah wujud sekarang tanpa memindahkan penduduk ini.
3. Bencana Alam : Projek ini melibatkan penempatan baru bagi penduduk yang terdedah kepada bencana alam yang mana melibatkan perkampungan yang dijangka berisiko tinggi menghadapi masalah ini. JAKOA diperuntukkan sejumlah RM 4,000,000.00 untuk tujuan tersebut.
4. Rancangan Kampung Baru (RKB) : RKB adalah rancangan penempatan semula kampung Orang Asli yang terlibat dengan pelaksanaan projek awam kerajaan seperti pembinaan empangan, pembinaan lapangan terbang dan sebagainya. JAKOA bertanggungjawab memastikan masyarakat ini menerima faedah dan kemudahan infrastruktur yang lebih baik berbanding dengan penempatan mereka dahulu. Terdapat tiga projek RKB iaitu RKB Lubuk Legong di Kedah, RKB Sungai Rual Di Kelantan dan RKB Sungai Kejar di Perak.
5. Pembangunan Tanah : Projek ini lebih kepada memulihkan infrastruktur kampung dan memajukan tanah melalui kerjasama agensi seperti FELCRA, RISDA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional yang memberi penekanan kepada strategi pembasmian kemiskinan dalam kalangan golongan termiskin. FELCRA telah membangunkan 9,105 hektar kawasan dan RISDA seluas 14,999 hektar.

RUJUKAN

- A. Aziz, R. (2000). Perancangan Pembangunan Sosioekonomi : Dasar, Strategi dan Pelaksanaan. Dlm. *Negara, Pasaran & Pemodelan Malaysia*. disunting oleh Abdul Rahman Embong. Bangi : UKM
- A. Aziz, R. (2001). *Pengantar Sosiologi Pembangunan : Edisi Kedua*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- A. Razip, M. A. (2010). Memahami Maksud, Tanggungjawab Transformasi. Atas talian :http://www.bharian.com.my/articles/Memahamimaksud_tanggungjawabtransformasi/Article [24 Disember 2012].
- A. Samah, A. & H. Hamsan, H. (2008). Pendekatan dan Model Pembangunan Komuniti Orang Asli : Satu Ulasan. Dlm. *Orang Asli : Isu, Transformasi & Cabaran*. Disunting oleh Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill. Serdang : Penerbit Universti Putra Malaysia.
- Abdullah, R. (2008). Orang Asli dalam Arus Pembangunan Nasional di Terengganu. In Ma'rof Redzuan & Sarjit S. Gill (Eds.), *Orang Asli ; Isu, Transformasi dan Cabaran* (pp.46).Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Ah Choy, E., Zalina & Joy, J. P. (2010). *Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli : Kajian Kes Di Hutan Simpan Bukit Lagong, Selangor Malaysia*. Jurnal Melayu (5)2012: 295-314.
- Ahmad, M. H. (2012) *Isu-Isu Penguatkuasaan Terhadap Penilaian Kesan Ke Atas Alam Sekeliling (EIA) Bagi Projek Perumahan Di Kawasan Lereng Bukit, Kajian Kes : Negeri Selangor Darul Ehsan*. Latihan Ilmiah. Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ali, Z. A. (2005). Peranan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam Pembangunan Masyarakat Orang Asli. *Kertas Kerja dalam Seminar Perancangan Bandar Dan Wilayah Kali Ke-23*. Dewan Senat, UTM, 20-21 September.
- Aliman, S., Komoo, I. & Joy, J. (2009). Kelestarian Pembangunan Sumber Batu Kapur Di Negeri Perak. *Bulletin of the Geological Society of Malaysia* 55 : 87-93.
- Bahrin, T. S., P.D.A. Perera & Lim, H. K. (1989). *Kemajuan Tanah dan Penempatan Semula Di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Berita Harian. 11 Julai 2008.

Berita Harian. 4 April 2010.

Berita Harian Online (2013). Permainan Tipu 'Penunggu'. Atas talian : http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Permainantipu_penunggu_/Article [3 April 2013]

BERNAMA. (2009). Pakej Perlancongan Orang Asli Diperkenal. Atas talian : <http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2009/06/25/pakej-pelancongan-orang-asli-diperkenal/> [12 Jun 2014]

Boon Heong, L. (2007). *Pembangunan Ekopelancongan Di Cameron Highlands : Satu Kajian Kes*. Projek Penyelidikan. Pulau Pinang : USM

Dollah, H. (2008). Komuniti Orang Jakun : Peminggiran dan Pembangunan. Dlm. *Masyarakat & Kepelbagaian Sosial di Malaysia*, disunting oleh Sarjit S. Gill & Lee Yok Fee. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Dyer, P., Aberdeen, L. & Schuler, S. (2003). Tourism Impacts on an Australian Indigenous Community : A Djabugay case study. *Tourism Management*, 24, 83-95.

Ghazali, K., Suffian, S. & Shamsudin, K. (2010) A Jakun Sense Of Identity. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Hakim, A., Hamid, A. & Adibah (2009). *Pembangunan Harta Tanah Dan Pelestarian Alam*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Pembangunan Harta Tanah Kebangsaan Menurut Perspektif Islam, 11-12 Ogos 2009, Dewan Besar Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur.

Ibrahim, Y. (2009). Komuniti, Pembangunan dan Transformasi. Dlm. *Komuniti, Pembangunan & Transformasi*. Bangi : Penerbit UKM

Impressions (2013). Endau Rompin West (Selai) National Park, Johore. Atas Talian : <http://www.impressions.com.my/endau/erwest.htm> [29 September 2013]

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (1988). Site selection : The RPS experience. A Report.

JAKOA (2013). Program Pembangunan Penempatan Tersusun. Atas talian : <http://www.jakoa.gov.my/web/guest/program-pembangunan-penempatan-tersusun> [9 Mac 2013].

JAKOA Mersing (2011). Profil Kampung Orang Asli Peta.

- Jessica C. & Enrique C. (2011). *Ecotourism And The Development Of Indegenous Communities : The Good, Bad And Ugly. Working Papers In Economic.* Sweden : University of Gothenburg.
- Kayoko, I. (2012). The impact of ethnic tourism on hill tribes in Thailand. *Annals of Tourism Research*, 39(1), 290-310.
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (2013). Fakta KKLW. Atas Talian : <http://www.rurallink.gov.my/fakta-kklw> [15 Mei 2014]
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) (1998). *Budaya, Pantang Larang, dan Amalan Kesihatan Orang Asli Semenanjung Malaysia.* Kuala Lumpur : Pusat Perkembangan Kurikulum KPM.
- Lebar, O. (2014). *Penyelidikan Kualitatif : Pengenalan Kepada Teori dan Metode.* Tanjung Malim : Penerbit UPSI.
- Lorenzo C., Ed. D. (2012). Perspectives On Sustainable Development : Research And Education. *The American Association of Behavioral and Social Sciences (AABSS)* (15) 2012 : 16-23.
- M. Dodson & D. E. Smith (2003). *Governance for sustainable development : Strategic issues and principles for Indigenous Australian communities.* Australia : Centre for Aboriginal Economic Policy Research.
- M. Nor, H. (2000). Pembangunan dan Peminggiran : Kes Orang Asli. Dlm. *Negara Pasaran dan Pemodenan Malaysia*, disunting oleh Abdul Rahman Embong. Bangi : Penerbit Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- M. Sam, S. A. & Seow, T. W. (2013). *Kelestarian Pembangunan Sosiobudaya Komuniti Orang Asli.* Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke-4, 5-6 Mac 2013, Dewan Persidangan E-Learning UPSI, Tanjung Malim.
- M. Shuid, A. (2011). *Pembangunan dan Perubahan Sosioekonomi Suku Kaum Semai di Kampung Changkat Bintang, Slim River.* Projek Penyelidikan. Tanjung Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Majlis Daerah Labis (2013). Atas Talian : www.mdlabis.gov.my [29 April 2013]
- Malaysia (2006). Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010. Putrajaya : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.
- Man, Z., Zahari, N. F. & Omar, M. (2009). The Impact Of Tourism Economy On The Batek Community of Kuala Tahan, Pahang. *e-Bangi* (4) 2009 : 1-12.
- Melville, S., Andrea, S. & Madelien, F. (2009). The Socio-Economic Impact of the Karoo National Park. *African Protected Area Conservation and Science (KOEDOE)* (51) 2009 : 1-10

- Mohamed, A. (n.d.). *Kelas Dewasa Bagi Ibu Bapa Murid Orang Asli Dan Peribumi (KEDAP): Satu Pengamatan Tentang Sikap Peserta Program Terhadap Pendidikan*. IPGM Kampus Tengku Ampuan Afzan, Pahang.
- Morgan, P. L., Farkas, G., Hillemeier, M. M., & Maczuga, S. (2009). Risk factors for learning-related behavior problems at 24 months of age: Population-based estimates. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 37, 401-413.
- Ngah, M. A. (2010). 9 Jerat Warisan Jakun. Atas talian : <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/9jeratwarisanJakun/Article/index> [10 Mac 2013].
- Nicholas, C. (1999). Providing For Beneficially Active Socio-Economic Involvement of The Jakun of Kampung Peta In The Endau-Rompin National Park. Dlm. *Ecotourism Management Plan for Endau Rompin National Park (Johor)*. ms 173-205.
- Omar, M. (2008). Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Masyarakat Orang Asli : Pencapaian dan Cabaran. Dlm. *Orang Asli Isu, Transformasi dan Cabaran*, disunting oleh Ma'Rof Redzuan & Sajit S. Gill. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Parker, B. (2003). Maori access to information technology. *The Electronic Library* 21(5): 456-460.
- Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor (2009). *Khazanah : Endau Rompin Herba*. Johor : Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor.
- Pip, J. (2003). *Introducing Social Theory*. United Kingdom : Polity Press.
- Redzuan, M. & Emby, Z. (2008). Orang Asli : Pembangunan dan Ekologi Hutan. Dlm *Orang Asli : Isu, Transformasi dan Cabaran*. disunting oleh Ma'Rof Redzuan & Sarjit S. Gill. Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rifin, M. R. A. (2013). Program Berkala Kementerian Pendidikan Malaysia "Memodenisasikan Komuniti Orang Asli Rompin" (MEKAR 2013). Atas talian : <http://www.pms.edu.my/index.php/berita-terkini/392-program-berkala-kementerian- pendidikan-malaysia-memodenisasikan-komuniti-orang-asli-rompin-mekar-2013> [10 Julai 2014]
- Richard, J. (2002). *Socioeconomic Background and Higher Education Participation: An analysis of school students' aspirations and expectations*. Centre for the Study of Higher Education The University of Melbourne.
- Robert, B. A. (2001). Aboriginal People, Economic Development and Entrepreneurship. *The Journal of Aboriginal Economic Development*. (2) 2001 : 33-42

- Roddin, R., A. Hadi, A. Y., Yusof, Y., I. Mukhtar, M. & S. Sidi, N. S. (2013). Pendekatan Program Satu Daerah Satu Industri (SDSI) dalam Melestarikan Keupayaan Pelancongan Desa: *Satu Kajian dalam Komuniti Orang Asli. Seminar Hasil Penyelidikan Sektor Pengajian Tinggi*. Jilid 1. Sains Sosial dan Kemanusiaan.
- S. Mohamed, A. (2006). *Impak Perwartaan Taman Negara Endau Rompin Dan Penswastaaan Rancangan Pengumpulan Semula Terhadap Masyarakat Jakun Di Bekok, Johor*. Projek Penyelidikan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia
- Sahdan, Z., C. Rose, R. A. & Ahmad, H. (2009). *Perubahan Budaya Orang Bateq Dalam Situasi Ekopelancongan Di Taman Negara*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakdan, M. F. & Othman, M. F. (2012) *Pengenalan Kepada Pengurusan Konflik Antarabangsa*. Sintok : UUM Press.
- Schwartz, S. H. (2006). Basic Human Values: An Overview. Basic Human Values: Theory, Methods, and Applications. Dimuat turun pada 29 Julai 2013 dari <http://www.fmag.unTMK.it/>
- Sima Mostafi, J. & Shukor, M. N. (2006). Natural Resources In Support Of The Chewong Tribe In Krau Wildlife Reserve. Dlm. *Management and Status Of Resources In Protected Areas Of Peninsular Malaysia*. disunting oleh Sahir Othman, Siti Hawa Y., Sivanathan Elagupillay, Shukor M. N., Norhayati A. & Shahrul A. M. Sah. Department of Wildlife and National Park.
- Suki, M. & Ibrahim, Y. (2006). Pembandaran dan Penempatan Semula Komuniti Orang Asli. Dlm. *Komuniti, Pembangunan & Transformasi*, disunting oleh Yahaya Ibrahim. Bangi : Penerbit UKM.
- Sulaiman, J. & Chamhuri, S. (1983). Kegunaan Sumber Hutan : Beberapa Persoalan Isu Dan Konflik Di Antara Kegunaan Untuk Pembangunan, Pengekalan Dan Rekreasi. *Rekreasi Luar Malaysia*. 1983 : 177-192.
- Teck Chong, G., Yew Hong, W. & Basir, S. (2006). *Teks Pra-U STPM Pengajian Am Kertas 1*. Pearson Malaysia Sdn Bhd. Selangor
- Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) (2011). Apa Itu Tranformasi?. Atas Talian : http://www.pemandu.gov.my/gtp/About_GTP-@-What_is_Transformation%5E.aspx?lang=ms-my [3 April 2014]
- United Nation (2012). Urban Indigenous Peoples and Migration: Challenges and Opportunities. Atas talian : http://www.un.org/esa/socdev/unpfii/documents/6_session_factsheet2.pdf. [02 Februari 2013].

- Vadana, S., Patrick, A., Heffa, S., Andrew, G., Larry, L. & David, C. (2003). *Biodiversity : Social & Ecological Perspectives*. London and New Jersey : Zed Books Ltd.
- Yan Piaw, C. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan : Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia : Mc Graw Hill Education.
- Yusof, R. (2010). *Asas Sains Sosial : Dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Z. Abidin, Z. Z. & Seow, T. W. (2013). *Isu Konflik Tanah Adat Bagi Orang Asli Di Malaysia*. Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Kali Ke-4, 5-6 Mac 2013, Dewan Persidangan E-Learning UPSI, Tanjong Malim.